

## **SIARAN AKHBAR**

### **PENDAFTARAN PENYERTAAN BAGI ACARA PESTA DISEMBER BRUNEI KALI KE-7 KINI DIBUKAKAN**

---

- 1. Bandar Seri Begawan, 3 Ogos 2023** – Pendaftaran penyertaan bagi acara Pesta Disember Brunei (BDF) kali ke-7 kini dibukakan kepada semua pengurus acara tempatan dan antarabangsa.
- BDF* merupakan acara tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan yang mana bertujuan untuk mempromosikan pelancongan domestik dengan menggalakkan penduduk tempatan untuk melancong dan berbelanja di dalam Negara; menjana ekonomi Negara serta pendapatan dan pekerjaan untuk golongan belia; menggalakkan penganjur acara menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang mana mampu merangsang pertumbuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (*SMEs*); dan mempertingkatkan jumlah kedatangan pelancong dari luar Negara dengan mempromosikan pakej-pakej pelancongan dan acara-acara menarik.
- Sebanyak enam (6) kategori dibukakan pada tahun ini buat para penganjur acara iaitu Islamik; Makanan dan Kulineri, Kebudayaan dan Kesenian; Sukan, Pengembaraan dan Rekreasi; Membeli-belah; serta Teknologi Digital dan ICT.
- Pendaftaran kini boleh dibuat secara digital dengan mengimbas kod QR yang disediakan atau melalui laman sesawang [www.bruneitourism.com/bdf2023](http://www.bruneitourism.com/bdf2023). Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 30 September 2023, jam 4.30 petang.
- Bagi sebarang maklumat terkini mengenai acara *BDF* kali ke-7, sila layari laman sesawang [www.bruneitourism.com/bdf2023](http://www.bruneitourism.com/bdf2023), kunjungi instagram [@bruneidecemberfest](https://www.instagram.com/bruneidecemberfest) atau boleh menghubungi di nombor hotline **+6737172822**.

-tamat-

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

**Bahagian Promosi dan Pemasaran**

**Jabatan Kemajuan Pelancongan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**